

Lelaki curi motosikal dipenjara dua tahun

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan mencuri sebuah motosikal.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukan-

nya serta mengambil kira kepentingan awam.

Yukubus Tarang Merom dari Pujut Tanjung Batu, Jalan Miri-Bypass di sini, didapati telah mencuri sebuah motosikal bernombor pendaftaran QM24xx kepunyaan Philip Benang, 35.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 6.30 pagi, 26 Februari tahun ini di

Jalan Pujut Padang Kerbau Satu di sini.

Bagi kesalahan itu, tertuduh telah didakwa mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang daripada setahun dan tidak melebihi tujuh tahun serta denda jika sabit kesalahan.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu huku-

man ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Mahkamah kemudian memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 10 April lalu.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.